

# Pilihan raya umum bila-bila masa – PM

um - 1/5/2007

KUALA LUMPUR 30 April – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa Barisan Nasional (BN) kini bersedia menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa.

Beliau berkata, setakat ini sokongan rakyat terhadap komponen parti memerintah adalah konsisten berdasarkan kepada keputusan lima pilihan raya kecil yang diadakan selepas tahun 2004.

Menurut beliau, kelima-lima pilihan raya kecil itu – termasuk yang terbaru di Ijok – jelas menunjukkan rakyat terus memberi sokongan padu kepada BN meskipun terdapat segelintir kaum Cina yang dilihat memberi undi kepada pembangkang.

“Kita akan mendekati mereka yang tidak mahu menyokong BN. Kita akan bercakap dengan mereka dan meneruskan kerja (membela mereka).

“Mungkin mereka ada alasan tertentu.

Mungkin juga mereka tidak gembira. Kita tidak tahu dan kita perlu mencari puncanya. Saya harap MCA dan Gerakan dapat memberi maklumat tentang sebab-sebab perkara itu boleh berlaku,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Sejak 2004, BN telah memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Berang, DUN Pengkalan Pasir, DUN Batu Talam, DUN Machap dan DUN Ijok.

Ketika ditanya mengenai trend sokongan pengundi Melayu selepas lima pilihan raya kecil berkenaan, Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, sokongan mereka terhadap BN adalah amat baik.

Bagaimanapun, beliau mengakui masih terdapat beberapa perkara yang perlu di-

perbaiki terutama bagi meningkatkan mutu kerja UMNO dan BN dalam memberi khidmat kepada rakyat.

“Atas sebab itu kita mengkaji secara terperinci hasil daripada lima pilihan raya kecil tersebut.

“Daripada kajian itu kita akan mengetahui apakah perkara-perkara yang dapat diterima sebagai satu panduan penting untuk kita meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat,” katanya.

Beliau juga berkata, BN tidak mahu kejayaan pada pilihan raya kecil Ijok membuatkan semua pihak dalam BN tidak menjalankan tugas seperti yang dipertanggungjawabkan.

“Kini bukan masa untuk berehat... kerja tetap akan diteruskan. Di peringkat ini kita perlu meneruskan usaha menambahkan ahli serta mengukuhkan lagi kedudukan parti. Tugas ini tidak harus dilupakan,”

tambahnya.

Dalam pada itu, Abdullah turut meningkatkan semua agensi kerajaan dan Menteri Besar supaya memastikan projek yang dirancang tidak terbengkalai kerana ia amat berkaitan dengan kehidupan rakyat.

Ketika ditanya mengenai kad laporan prestasi wakil-wakil rakyat BN, Abdullah berkata, kad itu harus dihantar kepadanya seberapa segera.

Sementara itu, beliau berkata, pada mesyuarat hari ini MT UMNO telah memutuskan untuk mengadakan majlis tahlil dan doa selamat sempena ulang tahun UMNO yang disambut pada bulan ini.

“Kami turut berbincang mengenai sambutan ambang kemerdekaan yang akan diadakan pada 30 Ogos ini kerana ia merupakan acara yang cukup bersejarah yang diingati dan disambut pada bulan ini. Kami turut berbincang mengenai sambutan kemerdekaan tahun ini merupakan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50,” katanya.